- 4.1 Hak "Cooling Off" hanya boleh digunakan sekali bagi mana-mana Pelanggan yang melabur buat kali pertama dalam mana-mana Dana dengan OCBC Al-Amin. Hak "Cooling Off" tidak boleh digunakan untuk mana-mana pelaburan berikutnya oleh pelanggan yang sama dalam mana-mana Dana dengan OCBC Al-Amin. Jika pelaburan dalam Dana di"cool off", Pelanggan akan menerima bayaran balik jumlah pelaburan Dana dan caj perkhidmatan Dana yang telah dibayar. Tempoh "Cooling Off" adalah tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan permohonan oleh OCBC Al-Amin atau mana-mana tempoh lain seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

#### **5. Jagaan Unit-unit atau Pelaburan-pelaburan Dana**

- 5.1 OCBC Al-Amin memerlukan Penjaga memegang Unit-unit atau pelaburan-pelaburan di dalam Dana yang dipegang olehnya sebagai penama bagi OCBC Al-Amin yang seterusnya akan memegang mana-mana Unit yang dimiliki secara benefisial atau yang dipegang oleh Pelanggan tersebut sebagai penama bagi Pelanggan.
- 5.2 OCBC Al-Amin tidak berkewajipan untuk menghantar kepada Pelanggan mana-mana dokumen seperti notis, proksi, surat pekeliling, hak dan sebagainya atau memberitahu Pelanggan mengenai perkara yang sama atau penerimaan perkara yang sama.
- 5.3 OCBC Al-Amin tidak bertanggungjawab atau berkewajipan untuk membuat pengaturan dengan Penjaga atau menghendaki Penjaga untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau untuk mengundi mana-mana perkara yang berkaitan dengan mana-mana Dana melainkan selaras dengan arahan bertulis tertentu yang ditandatangani oleh Pelanggan.

#### **6. Ganti Rugi**

- 6.1 Pelanggan mengaku janji dengan OCBC Al-Amin dan bersetuju untuk menanggung rugi dan terus menanggung rugi OCBC Al-Amin daripada dan terhadap dan berkaitan dengan semua liabiliti, kerugian, caj, perbelanjaan (termasuk yuran-yuran dan kos-kos guaman atas dasar ganti rugi penuh), tuntutan, permintaan, tindakan dan prosiding apa juga yang boleh diambil terhadap atau ditanggung atau dialami oleh OCBC Al-Amin secara langsung atau tidak langsung daripada atau disebabkan oleh atau yang berkaitan dengan atau berikutan daripada atau berhubung dengan pemegangan, belian, pertukaran, pemindahan atau penebusan Unit atau penjagaan Unit atau mana-mana perintah, permintaan, arahan atau urus niaga yang dibuat atau yang dimaksudkan dibuat oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaan atau penggunaan yang dimaksudkan oleh Pelanggan Perkhidmatan Pelaburan OCBC dan Pelanggan akan membayar dan membayar balik yang sama atas permintaan pada bila-bila masa atau dari masa ke masa.

#### **7. Risiko**

- 7.1 Pelanggan mengakui bahawa Dana adalah tertakluk kepada risiko pelaburan dan risiko pasaran, termasuk kemungkinan kerugian terhadap amaun prinsipal yang dilaburkan. Pelanggan menyatakan dan memberi jaminan yang Pelanggan memahami dan sedar sepenuhnya risiko-risiko yang terlibat dalam pelaburan Unit dan Dana dan Pelanggan akan mendapatkan sama ada daripada OCBC Al-Amin atau Pengurus atau Dana yang berkenaan versi terkini Prospektus atau mana-mana bahan yang dibekalkan oleh Pengurus atau Dana yang berkenaan yang mungkin wujud pada tarikh urus niaga dan tarikh arahan yang

diberikan oleh Pelanggan kepada OCBC Al-Amin. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC Al-Amin tidak mempunyai apa-apa liabiliti atau tanggungjawab terhadap Pelanggan atas sebarang kesilapan, salah nyata atau perkara yang tidak dimasukkan dalam mana-mana Prospektus atau bahan yang disediakan oleh atau yang diterbitkan oleh mana-mana Pengurus atau Dana.

- 7.2 OCBC Al-Amin tidak mengambil tanggungjawab dan liabiliti terhadap Pelanggan kerana memberi sebarang cadangan kepada Pelanggan sama ada untuk melabur atau tidak melabur dalam mana-mana Dana atau berhubung dengan prestasi Dana. Pelanggan mengakui hasrat untuk mendapatkan nasihat kewangan atau profesional bebas berkaitan dengan mana-mana pengendalian dalam Unit atau Dana atau pelaburan atau peluang pelaburan. Pelanggan mengakui bahawa sebarang pengendalian dalam Dana atau Unit adalah semata-mata dan secara eksklusif oleh Pelanggan berdasarkan pertimbangan Pelanggan sendiri dan selepas penilaian dan siasatan bebas Pelanggan sendiri terhadap risiko-risiko berkaitan dengan pengendalian tersebut atau sebaliknya.
- 7.3 OCBC Al-Amin berhak untuk mempercayai dan bertindak mengikut mana-mana notis atau arahan berdasarkan tandatangan yang pada OCBC, dengan rujukan kepada nama dan tandatangan orang tersebut seperti yang difailkan dengan OCBC Al-Amin, adalah tandatangan Pelanggan atau orang yang dibenarkan oleh Pelanggan tanpa siasatan daripada pihak OCBC Al-Amin terhadap identiti orang yang memberi atau yang dimaksudkan untuk memberi notis atau arahan sedemikian atau ketulenan arahan atau notis sedemikian. Pelanggan mengakui bahawa OCBC Al-Amin tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penyalahgunaan atau penggunaan mesej tanpa kebenaran atau arahan yang diberi kepada OCBC Al-Amin melalui telefon, faksimile, transmisi elektronik, mel atau pengiriman atau melalui mana-mana cara komunikasi yang lain dan bahawa OCBC Al-Amin tidak berkewajipan untuk menyiasat ketulenan mesej atau arahan yang dihantar atau dikomunikasikan melalui mana-mana cara atau identiti pemanggil.
- 7.4 Pelanggan menyatakan dan memberi jaminan kepada OCBC Al-Amin bahawa sumber dana yang digunakan dalam pelaburan adalah sah di sisi undang-undang dan peraturan (termasuk mana-mana undang-undang dan peraturan kawalan pertukaran) bidang kuasa yang mengikat atau berkenaan dengan Pelanggan, tidak melanggar mana-mana undang-undang pelaburan wang haram dan Pelanggan akan mengambil semua tindakan yang perlu bagi memastikan bahawa semua undang-undang atau peraturan tersebut tidak dilanggar dan akan dipatuhi sepanjang masa.

## **8. Yuran-yuran Dan Caj-caj**

- 8.1 Mana-mana barangan, jualan dan cukai perkhidmatan atau lain-lain levi sedia ada atau yang akan datang yang dikenakan oleh undang-undang atau yang perlu dibayar berhubung dengan mana-mana wang mesti dibayar kepada atau telah diterima atau belum diterima oleh OCBC Al-Amin atau mana-mana perbelanjaan yang dibuat oleh OCBC Al-Amin, akan (melainkan dilarang oleh undang-undang) ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan dan OCBC Al-Amin adalah berhak untuk mendebitkan nilai yang sama daripada akaun Pelanggan.
- 8.2 OCBC Al-Amin berhak untuk memperkenalkan atau mengenakan caj perkhidmatan, caj bank dan lain-lain caj dari masa ke masa berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan.
- 8.3 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC Al-Amin boleh dilantik oleh Pengurus dan/atau Dana untuk memasarkan dan mengedarkan Unit dengan terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang OCBC Al-Amin mungkin persetujui dengan Pengurus dan/atau Dana. Walaupun terdapat sesuatu yang bertentangan dalam ini, Pelanggan mengizinkan dan bersetuju tanpa boleh batal dan tanpa syarat untuk OCBC Al-Amin bertindak dalam kapasiti sedemikian.
- 8.4 Pelanggan mengakui bahawa Pengurus dan Dana akan membayar wang (secara komisen, diskaun, yuran atau sebaliknya) kepada OCBC Al-Amin berhubung atau berkaitan dengan terbitan Unit kepada atau untuk Pelanggan atau lain-lain pengendalian berhubung atau berkaitan dengan mana-mana Dana. Pelanggan bersetuju bahawa OCBC Al-Amin boleh menyimpan bagi manfaat OCBC Al-Amin dan tanpa sebarang kewajipan untuk menerangkan kepada Pelanggan mana-mana komisen, diskaun, yuran atau sebaliknya yang OCBC Al-Amin mungkin terima daripada mana-mana Pengurus atau mana-mana Dana atau orang lain berhubung atau berkaitan dengan pemegangan, belian, pertukaran, pemindahan atau penebusan Unit atau urusan niaga lain yang dibuat atau dijalankan oleh Pelanggan dengan atau melalui OCBC Al-Amin atau menggunakan Perkhidmatan Pelaburan OCBC atau mana-mana pengendalian lain yang berkaitan dengan Dana dan Unit.

## **9. Pendedahan**

- 9.1 Berhubung dengan Arahan ekspres Pelanggan menyekat pendedahan, Pelanggan secara muktamad dan tanpa syarat bersetuju untuk dan membenarkan Bank dan pegawai-pegawainya untuk menzahirkan keadaan kewangan pelanggan, butiran akaun-akaun dan pelaburan-pelaburan, akaun hubungan dengan Bank termasuk baki-baki kredit kepada Bank Negara Malaysia, mana-mana kuasa-kuasa kerajaan dan agensi-agensi di Malaysia atau di tempat lain, Sistem Maklumat Chek Ditolak (DCHEQS), Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS), atau mana-mana biro lain atau syarikat penubuhan untuk tujuan pengumpulan dan menyediakan kredit atau maklumat lain, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, mana-mana penjamin, mana-mana orang yang telah memberi atau memberi kejaminan untuk liabiliti pelanggan di bawah mana-mana akaun, parti mencadangkan atau bertujuan untuk membuat atau menawarkan pembayaran liabiliti pengguna untuk Bank, syarikat-syarikat yang berhubung dengan Bank di bawah Seksyen 6 daripada Akta Syarikat 1965 atau mana-mana syarikat bersekutu Bank atau syarikat induknya (Bank bersama dengan syarikat-syarikat bersekutu adalah secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan OCBC"), parti menyediakan atau merancang untuk menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan untuk setiap ahli Kumpulan OCBC, ejen-ejen, ejen-ejen bawahan, bank-bank bersama, bank-bank tempatan dan cawangan-cawangan bank tempatan, calon-calon, peguam-peguam, penjaga-penjaga, pendaftar /pendeposit sekuriti pusat, pendeposit, ejen pendeposit,

sistem penyimpanan, sistem penjelasan, pengeluaran, Dana, pendaftar, pengurus dana atau Pengurus atau pemegang serah hak, pembeli-pembeli, pemindah, penguasa, badan kawal selia, kerajaan atau kuasa berkanun atau awam, dan juga untuk pihak berkuasa cukai termasuk Hasil Dalam Negeri, kutipan hutang Malaysia, ejen-ejen mana-mana syarikat di bawah Kumpulan OCBC, Bank atau mana-mana pemegang serah hak atau pemegang serah hak potensi Kumpulan OCBC, orang yang memperolehi atau orang yang memperolehi potensi, polis atau mana-mana pegawai penyiasat menjalankan apa-apa penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan, orang yang dikehendaki oleh undang-undang, arahan atau kerajaan atau permintaan dari mana-mana kumpulan yang Bank mungkin fikir sesuai dan mereka masing-masing mengganti gelaran pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti untuk tujuan Bank yang mungkin menganggap mustahak atau sesuai. Pelanggan secara muktamad bersetuju untuk dan membenarkan Bank dan pegawai-pegawainya menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan kredit dan mendedahkan hubungan akaunnya dengan Bank untuk mana-mana pihak yang Bank mungkin dalam budi bicara mutlaknya fikir sesuai untuk tujuan-tujuan mengesahkan apa-apa maklumat, permohonannya untuk sebarang Dana dan peruntukan Perkhidmatan Pelaburan OCBC.

- 9.2 OCBC Al-Amin berhak, dengan terikat kepada undang-undang dan apabila dibenarkan olehnya, untuk menggunakan maklumat Pelanggan yang telah dikutip, dikumpul, diterima, dikompilasi atau diperolehi oleh OCBC Al-Amin melalui apa-apa cara dan kaedah pun, termasuk tanpa batasan, alamat e-mel, nama, nombor telefon dan sejenisnya, untuk tujuan tersebut sebagaimana ditentukan oleh OCBC Al-Amin tanpa perlu memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

## **10. Pemegangan Bersama**

- 10.1 Jika mana-mana permohonan termasuk sebarang Borang Permohonan Unit Amanah, berhubung atau berkaitan dengan pemegangan, belian, pertukaran, pemindahan atau penebusan Unit ("Permohonan") ditandatangani atau dibuat oleh lebih daripada seorang, ia akan terikat atas semua orang tersebut secara bersama dan berasingan dan setiap orang tersebut akan diikat secara bersama dan berasingan oleh peruntukan terma-terma dan syarat-syarat ini. Di mana lebih daripada seorang memegang secara benefisial Unit yang dipegang atas nama Penjaga sebagai penama bagi OCBC Al-Amin yang memegang Unit sedemikian sebagai penama bagi orang tersebut, atau di mana lebih daripada seorang telah menandatangani atau membuat Permohonan, OCBC Al-Amin adalah berhak untuk bertindak mengikut mana-mana arahan yang dibuat atau ditandatangani oleh sesiapa daripada pemegang atau pemilik secara benefisial atau pemohon atau pihak atau pihak-pihak yang masih hidup di kalangan mereka.
- 10.2 Unit-unit yang dipegang oleh Penjaga sebagai penama bagi OCBC Al-Amin yang memegang yang sama sebagai penama bagi Pelanggan di mana terdapat lebih daripada satu orang atau satu pemilik benefisial akan dimiliki secara benefisial oleh Pelanggan atau orang tersebut secara bersama dengan hak kemandirian. Sekiranya berlaku kematian atas seseorang atau lebih pemegang benefisial bersama atau pemegang Unit tersebut, OCBC Al-Amin dan Penjaga adalah berhak untuk membayar atau menyampaikan kepada pihak atau pihak-pihak yang masih hidup semua wang atau Unit yang ada pada kredit atau yang dipegang atau yang dimiliki secara benefisial oleh pemegang bersama atas nama bersama mereka untuk atau kepada pihak atau pihak-pihak yang masih hidup.
- 10.3 Mana-mana notis yang diberi kepada mana-mana pemegang bersama atau pemilik secara benefisial bersama bagi Unit adalah merupakan notis yang mencukupi bagi semua pemegang bersama. Mana-mana notis yang diberi oleh OCBC Al-Amin kepada seseorang atau lebih orang sepertinya adalah dianggap sebagai notis yang diberikan kepada semua orang tersebut. OCBC Al-Amin mempunyai kebebasan untuk melepaskan atau mengeluarkan sesiapaupun atau lebih orang sepertinya daripada liabiliti atau untuk menyatukan atau membuat pengaturan lain dengan mana-mana orang sepertinya tanpa mengakibatkan pelepasan atau pengeluaran mana-mana pihak lain daripada mana-mana perjanjian dan ganti rugi atau sebaliknya melanggar atau menjejaskan hak-hak dan remedi OCBC Al-Amin terhadap pihak atau orang lain seumpamanya.

## **11. Notis**

- 11.1 Mana-mana pemberitahuan, pengesahan, pernyataan, notis, surat atau permintaan yang dihantar secara pos kepada Pelanggan ke alamat terakhir Pelanggan yang direkodkan atau di tempat perniagaan atau kediaman Pelanggan yang terakhir diketahui akan dianggap telah sewajarnya dihantar atau diserahkan kepada Pelanggan dan telah sewajarnya diterima oleh Pelanggan pada hari selepas sampul surat atau pembungkus mengandungi pemberitahuan, pengesahan, pernyataan, notis, surat atau permintaan dipos dan walau pun hakikatnya sampul surat atau pembungkus yang mengandungi perkara tersebut dikembalikan melalui pejabat pos sebagai tidak berhantar. OCBC Al-Amin boleh juga memberi notis atau komunikasi lain kepada Pelanggan melalui pernyataan berkala yang dikeluarkan kepada Pelanggan melalui teleks, telegraf, faksimile atau transmisi elektronik, melalui iklan dalam akhbar harian yang ditujukan kepada awam secara amnya atau dengan meletakkan dalam laman web OCBC Al-Amin atau di mana-mana cawangan premis OCBC Al-Amin atau dengan mana-mana cara lain yang difikirkan sesuai oleh OCBC Al-Amin.
- 11.2 Mana-mana pemberitahuan, pengesahan, pernyataan, notis, surat atau permintaan yang ditandatangani oleh OCBC Al-Amin dan dialamatkan kepada Pelanggan melalui mana-mana jabatan atau cawangan OCBC Al-Amin dan disimpan dalam fail Pelanggan akan dianggap telah sewajarnya dihantar atau diserahkan kepada Pelanggan dan sewajarnya diterima oleh Pelanggan.
- 11.3 Mana-mana pemberitahuan, pengesahan, pernyataan, notis, surat atau permintaan secara bertulis termasuklah teleks atau telegraf atau faksimile atau transmisi elektronik kepada Pelanggan. Sebarang Perkhidmatan sedemikian yang diberi kepada Pelanggan melalui teleks atau telegraf atau faksimile atau transmisi elektronik akan dianggap dibuat pada hari transmisi.
- 11.4 Pelanggan bersetuju bahawa perkhidmatan peribadi writ saman atau lain-lain proses pemula lain atau salinan rayuan yang dimeterai atau lain-lain dokumen boleh dikuatkuasakan ke atas Pelanggan dengan menghantarnya melalui pos berdaftar A.R. yang dibayar terlebih dahulu yang dialamatkan kepada alamat terakhir Pelanggan di Malaysia yang diketahui oleh OCBC Al-Amin

(dan dalam hubungan ini OCBC Al-Amin berhak untuk bergantung pada rekod-rekod yang disimpan olehnya atau oleh mana-mana pejabat pendaftaran atau kerajaan atau pihak berkuasa berkanun) dan jika alamat terakhir Pelanggan yang diketahui merupakan kotak pos atau alamat pegang mel yang lain, maka perkhidmatan peribadi boleh dikuatkuasakan dengan mengesahkan yang sama kepada alamat atau alamat-alamat tersebut dan Pelanggan mengesahkan tanpa boleh batal bahawa perkhidmatan writ saman, proses pemula, rayuan atau dokumen dengan cara yang tersebut terdahulu akan dianggap perkhidmatan peribadi yang mencukupi kepada Pelanggan.

## 12. Lain-lain

- 12.1 OCBC Al-Amin tidak akan menanggung liabiliti terhadap sebarang kelewatan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana bencana alam, sekatan kerajaan, kegagalan telazim atau terkawal dalam sistem komunikasi atau oleh kerana mana-mana tindakan lain, perkara atau benda yang di luar kawalan munasabah mereka. Urus niaga yang dijalankan oleh OCBC Al-Amin atau oleh Penjaga yang bertindak atas arahan Pelanggan yang dibuat atau diberi atau yang dimaksudkan dibuat atau diberi oleh Pelanggan atau sesiapa di kalangan Pelanggan sekiranya Pelanggan terdiri lebih daripada seorang atau penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pelanggan atau oleh mana-mana orang lain bagi pihak Pelanggan dan urus niaga yang timbul daripada penggunaan atau yang dimaksudkan penggunaan mana-mana Kad atau bila ada, Perkhidmatan Elektronik atau Aplikasi Internet atau aplikasi-aplikasi lain akan sebenarnya mengikat Pelanggan tanpa menghiraukan keadaan yang sedia ada atau jenis transaksi atau pengaturan atau jumlah wang yang terlibat dan walaupun terdapat sebarang kesilapan atau salah faham atau kurang penjelasan dalam terma-terma arahan tersebut atau komunikasi lain.
- 12.2 OCBC Al-Amin tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan atas alasan atau disebabkan oleh mana-mana tindakan, kegagalan atau perkara yang tidak dimasukkan atau kelewatan di pihak OCBC Al-Amin atau mana-mana Penjaga atau penama atau ejen atau subejen atau pegawai atau kakitangan OCBC Al-Amin atau mana-mana Dana, Pengurus atau pemegang amanah atau penjaga Dana atau pendaftar atau depository atau ejen depository atau sistem pelunasan atau mana-mana orang lain untuk berunding, menjalankan atau melaksanakan arahan Pelanggan atau kewajipan OCBC Al-Amin di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini atau di bawah atau selaras dengan mana-mana permohonan yang dibuat oleh Pelanggan kepada OCBC Al-Amin termasuk Borang Permohonan Unit Amanah atau atas alasan atau disebabkan oleh mana-mana tindakan atau pelaksanaan yang tidak elok atau salah di pihak OCBC Al-Amin atau mana-mana Penjaga atau penama atau ejen atau subejen atau pegawai atau kakitangan OCBC Al-Amin atau mana-mana Pengurus atau Dana atau pemegang amanah atau penjaga Dana, pendaftar atau depository atau ejen depository atau sistem pelunasan atau mana-mana orang lain berkaitan atau berhubung dengan pemulaan, atau menjalankan atau pelaksanaan arahan Pelanggan atau mana-mana urus niaga atau mana-mana belian atau pertukaran atau pemindahan atau penebusan Unit melainkan jika kerosakan atau kehilangan tersebut adalah disebabkan oleh kemungkiran yang disengajakan atau kecuaiian melampau di pihak OCBC Al-Amin. OCBC Al-Amin dan mana-mana Penjaga tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh perkara-perkara yang di luar kawalan OCBC Al-Amin atau Penjaga.
- 12.3 OCBC Al-Amin dan Penjaga tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan atas mana-mana kehilangan atau kerosakan akibat daripada atau disebabkan oleh sebarang jenis kesilapan atau kemungkiran dalam menerima atau bertindak atas atau melaksanakan mana-mana arahan yang diberi oleh Pelanggan atau berkaitan dengan atau berhubung dengan mana-mana perkara yang bersangkutan dengan pemegangan, belian, pertukaran, pemindahan atau penebusan Unit atau jagaan Unit atau mana-mana urus niaga yang dibuat atau yang dimaksudkan dibuat atau pembayaran dan pengkreditan dana atau wang atau penggunaan atau yang dimaksudkan penggunaan oleh Pelanggan Perkhidmatan Pelaburan OCBC.
- 12.4 Harga terbitan dan harga tebusan (realisasi) adalah ditentukan oleh Pengurus atau Dana selaras dengan surat ikatan amanah yang berkenaan atau prosedur yang ditetapkan pada Hari Pengendalian. Mana-mana harga atau nilai yang diberi oleh OCBC Al-Amin berhubung dengan mana-mana Unit adalah tidak muktamad dan terikat dan hanya merupakan maklumat indikatif yang disediakan kepada Pelanggan dan oleh itu OCBC Al-Amin tidak akan bertanggungjawab atasnya.
- 12.5 Selain daripada mana-mana lien am atau hak yang serupa yang OCBC Al-Amin berhak di sisi undang-undang, OCBC Al-Amin berhak pada bila-bila masa dan tanpa notis kepada Pelanggan untuk menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan akaun atau akaun-akaun pelanggan dengan semua atau mana-mana akaun atau akaun-akaun Pelanggan dengan OCBC Al-Amin dan menolak mana-mana amaun atau memindah mana-mana jumlah yang ada pada kredit kepada mana-mana akaun atau akaun-akaun dengan OCBC Al-Amin dalam atau untuk menyelesaikan liabiliti Pelanggan dengan OCBC Al-Amin dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam OCBC Group.
- 12.6 Pelanggan menyatakan, memberi jaminan dan mengaku janji kepada OCBC Al-Amin bahawa butiran yang diberi kepada OCBC Al-Amin termasuk butiran seperti status penduduk (sama ada dalam permohonan atau sebaliknya) adalah betul-betul tepat, benar dan lengkap. Pelanggan mengaku janji untuk memaklum OCBC Al-Amin dengan segera mengenai sebarang perubahan dalam butiran Pelanggan atau akaun. Sehingga OCBC Al-Amin menerima sebarang notis mengenai perubahan tersebut, OCBC Al-Amin akan bergantung kepada rekod-rekod dalam borang yang terakhir diserahkan oleh Pelanggan. OCBC Al-Amin tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan mana-mana butiran yang diberikan oleh Pelanggan dan OCBC Al-Amin tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau disebabkan oleh Pelanggan atau mana-mana orang lain oleh kerana mana-mana kesilapan atau perkara yang tertinggal dalam penyediaan permohonan atau dalam pemberian butiran atau dalam pemberian arahan oleh Pelanggan.
- 12.7 OCBC Al-Amin adalah berhak untuk menambah, mengubah atau meminda mana-mana atau semua terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa dan di mana sebarang Permohonan dibuat atau ditandatangani oleh lebih daripada seorang, setiap orang akan terikat dengan mana-mana tambahan, perubahan atau pindaan.

12.8 Perjanjian ini akan terus mengikat pihak-pihak walaupun terdapat sebarang penggabungan atau penyatuan yang boleh dikuatkuasakan oleh pihak-pihak dengan mana-mana syarikat atau syarikat-syarikat lain dan walaupun terdapat sebarang penyusunan semula pihak-pihak yang melibatkan pembentukan dan pemindahan keseluruhan atau mana-mana bahagian perusahaan dan asetnya kepada sebuah syarikat baru dan walaupun terdapat jualan dan pemindahan keseluruhan atau mana-mana bahagian perusahaan dan aset pihak-pihak kepada syarikat lain, sama ada syarikat atau syarikat-syarikat dengan mana pihak-pihak mungkin bergabung atau bersatu atau syarikat di mana pihak-pihak mungkin memindahkan keseluruhan atau mana-mana perusahaan dan asetnya sama ada disebabkan penyusunan semula atau jualan atau pemindahan seperti yang dinyatakan di atas adalah berbeza atau tidak dengan pihak-pihak dalam matlamat atau sifat atau perlembagaan mereka, adalah merupakan tujuan pihak-pihak bahawa Perjanjian ini akan kekal sah dan berkuat kuasa dalam semua segi memihak kepada, terhadap dan dengan rujukan kepada, dan bahawa manfaat Perjanjian ini dan semua hak yang diperuntukkan ke atas pihak-pihak oleh Perjanjian ini boleh dikatakan diserahkan kepada dan dikuatkuasakan oleh, mana-mana syarikat atau syarikat-syarikat tersebut dan dijalankan dalam cara yang sama seolah-olah syarikat atau syarikat-syarikat tersebut dan bukan pihak-pihak itu telah dinamakan dalam Perjanjian ini, atau syarikat atau syarikat-syarikat tersebut telah dinamakan dalam Perjanjian ini sebagai tambahan kepada pihak-pihak itu.

12.9 Pelanggan tidak boleh menyerahkan mana-mana hak, hak milik atau kepentingannya dalam atau terhadap Unit, Dana, sekuriti dan pelaburan tanpa persetujuan bertulis daripada OCBC AI-Amin terlebih dahulu.

### **13. Mata Wang Asing**

13.1 Pelanggan akan menanggung risiko terhadap mana-mana akta atau undang-undang mana-mana negara yang mempengaruhi ketersediaan mata wang yang berkaitan atau mengakibatkan kepenyalahan undang-undang dalam membuat bayaran dalam mata wang yang berkaitan untuk mana-mana Unit, Dana, sekuriti dan pelaburan atau mana-mana kemudahan yang dibenarkan oleh OCBC AI-Amin kepada Pelanggan atau mana-mana deposit yang dibuat oleh Pelanggan atau mana-mana hasil penebusan atau lain-lain hasil atau bayaran yang didenominasikan dalam mata wang yang berkaitan dan OCBC AI-Amin tidak akan menanggung liabiliti sekiranya berlaku kerugian akibat daripada perubahan dalam undang-undang yang berkaitan, peraturan kerajaan atau perintah kerajaan Malaysia atau negara di mana mata wang yang berkaitan diterbitkan.

13.2 Di mana sebarang sekatan atau kawalan terhadap dagangan atau terhadap kebolehtukaran atau terhadap pengiriman wang bagi mata wang yang berkaitan yang dikenakan di negara di mana mata wang yang berkaitan diterbitkan, OCBC AI-Amin berhak untuk menukar mata wang yang berkaitan (pada kadar biasa OCBC AI-Amin dan tertakluk kepada caj biasa) dengan serta merta dan tanpa mendapatkan persetujuan Pelanggan ke atas mata wang pilihan OCBC AI-Amin.

13.3 Dalam dua subperenggan sebelumnya, "mata wang yang berkaitan" bermaksud mata wang di mana sebarang Unit, Dana, sekuriti, pelaburan, kemudahan, deposit atau hasil penebusan atau hasil atau bayaran lain didenominasikan (sama ada mata wang akaun atau mata wang pembayaran).

### **14. Penamatan**

14.1 Salah satu pihak boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis sebulan secara bertulis kepada pihak yang satu lagi. Selepas penamatan, Pelanggan akan membuat pengaturan bagi pemindahan Unit sedia ada daripada Penjaga kepada Pelanggan atau orang lain dengan penggunaan Perkhidmatan Pelaburan OCBC sebelum tarikh penamatan. Jika Pelanggan gagal untuk menyiapkan pengaturan tersebut, OCBC AI-Amin (kos pada Pelanggan) boleh memindahkan atau menebus Unit yang dipegang mengikut cara seperti yang OCBC AI-Amin fikirkan sesuai dan OCBC AI-Amin diberi kuasa tanpa boleh batal untuk memberi arahan yang perlu kepada pihak ketiga bagi pihak Pelanggan untuk menyempurnakan dokumen-dokumen tersebut dan untuk melakukan semua perkara lain yang OCBC AI-Amin anggap sesuai atas budi bicara mutlaknyanya, tanpa sebarang liabiliti terhadap sebarang kos, perbelanjaan, kerugian atau apa-apa jenis kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan.

14.2 Jika atas sebarang alasan Pengurus atau Dana mengarahkan Penjaga atau OCBC AI-Amin untuk menjual, memindahkan atau sebaliknya membuang mana-mana Unit atau mana-mana pelaburan Dana selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal operasi Dana tersebut, OCBC AI-Amin akan mendapatkan arahan Pelanggan mengenai perkara tersebut dan jika tiada arahan diterima dalam masa yang ditentukan oleh OCBC AI-Amin, OCBC AI-Amin kemudian akan (dan diberi kuasa tanpa boleh batal oleh Pelanggan untuk) mendapatkan Penjaga untuk menebus atau memindahkan Unit atau pelaburan Dana yang berkaitan. Dalam hal di mana Unit ditebus, OCBC AI-Amin akan mengkreditkan hasil penebusan ke dalam akaun Pelanggan dengan mana-mana bank atau membuat pembayaran melalui cek atas nama Pelanggan.

### **15. Undang-undang yang Mengawal dan Bidang Kuasa**

15.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini yang mengawal Perkhidmatan Pelaburan OCBC akan dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia. Berhubung dengan mana-mana tindakan undang-undang atau prosiding yang timbul berikutan daripada atau berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dikatakan ini, Pelanggan dengan ini menyerahkan tanpa boleh batal kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.

### **16. Tafsiran**

16.1 Dalam terma-terma dan syarat-syarat ini:-

"Perjanjian" bermaksud perjanjian antara Pelanggan dan OCBC Al-Amin dengan menggabung dan memasukkan terma-terma dan syarat-syarat ini (dirujuk sebagai Terma-terma dan Syarat-syarat yang Mengawal Perkhidmatan Pelaburan OCBC).

"ATM" bermaksud mana-mana mesin juruwang automatik OCBC Al-Amin.

"Kad" bermaksud dan termasuk kad kredit, kad akses, kad ATM dan mana-mana token kredit sama ada kad atau token tersebut dalam bentuk kad plastik atau kad eprom atau cip-dalam-kad atau kad memori optik atau mana-mana jenis kad lain.

"Penjaga" bermaksud Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (6193-K) dan/atau mana-mana penjaga lain yang dilantik oleh OCBC Al-Amin dari masa ke masa.

"Pelanggan" bermaksud mana-mana orang atau beberapa orang (bersama dan berasingan di mana terdapat lebih daripada satu) yang telah memasuki mana-mana perjanjian bagi pemegangan, belian, pertukaran, pemindahan atau penebusan Unit dengan terma-terma dan syarat-syarat ini dan juga termasuk estet Pelanggan, wakil-wakil peribadi atau wakil di sisi undang-undang dan penerima serah hak yang dibenarkan.

"Hari Pengendalian" bermaksud dalam hal Dana yang berkenaan, hari di mana dagangan Unit dalam Dana berlaku.

"Perkhidmatan Elektronik" termasuk bila ada, perkhidmatan yang disediakan oleh OCBC Al-Amin bagi penggunaan Kad di mana-mana ATM atau terminal atau mana-mana kaunter cawangan OCBC Al-Amin, Perkhidmatan Perbankan Telefon 24-Jam OCBC, Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan mana-mana kemudahan elektronik lain termasuk mana-mana kad dan mana-mana alatan elektronik berkomputer atau telekomunikasi atau cara pembukaan akaun di Malaysia atau di tempat lain secara individu atau secara keseluruhannya dan rujukan kepada perkhidmatan tersebut secara berasingan dan juga perkhidmatan yang berkaitan di mana perlu dalam konteks.

"Dana" bermaksud mana-mana unit amanah, dana pelaburan, dana mutual atau mana-mana skim pelaburan kolektif lain yang diberi kuasa oleh Pendaftar Syarikat dan Suruhanjaya Sekuriti dan diedar atau disediakan melalui OCBC Al-Amin di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.

"Internet" bermaksud rangkaian global komputer, telekomunikasi dan perisian yang sentiasa ada yang memudahkan komunikasi, secara elektronik atau sebaliknya, antara orang dan mesin.

"Aplikasi Internet" bermaksud permohonan untuk Unit melalui Internet atau cara komunikasi elektronik yang lain melalui komputer.

"Pengurus" bermaksud dan termasuk pengurus, penerbit, wakil atau ejen atau pengurus pelaburan mana-mana Dana.

"OCBC Al-Amin" bermaksud OCBC Al-Amin Bank Berhad (818444-T) dan termasuk penggantinya dalam hak milik dan penerima serah haknya. .

"Prospektus" dalam hal mana-mana Dana bermaksud Prospektus versi terbaru yang diterbitkan dari masa ke masa seperti yang dituntut oleh undang-undang.

"Orang yang Berkaitan" bermaksud dan termasuk mana-mana penjaga, pengurus, ejen, penama, pemegang amanah, mana-mana bank, telekomunikasi komputer elektronik institusi kewangan atau kad yang terlibat dalam Perkhidmatan Elektronik dari masa ke masa dan mana-mana orang yang menggunakan (sama ada diberi kuasa atau tidak) Perkhidmatan Elektronik tersebut.

"Unit" bermaksud satu saham atau unit dalam sesuatu Dana.

Perkataan yang bermaksud seseorang juga bermaksud sesebuah firma atau syarikat.

Perkataan yang bermaksud hanya bilangan tunggal adalah termasuk bilangan besar dan begitu juga sebaliknya. Perkataan yang bermaksud jantina maskulin adalah termasuk jantina feminin dan neuter dan begitu juga sebaliknya. Rujukan kepada klausa adalah rujukan kepada klausa bagi terma-terma dan syarat-syarat ini. Tajuk dalam terma-terma dan syarat-syarat ini diletakkan untuk kemudahan rujukan dan tidak akan menjejaskan tafsirannya.